



## IKLAN JAWATAN KOSONG

### PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan

- Jawatan : Pengarah Pelaburan
- Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- Taraf Jawatan : Kontrak
- Syarat Lantikan : i. Berumur tidak kurang daripada 35 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- ii. Pengalaman dalam bidang yang berkaitan melebihi 8 hingga 10 tahun.
- iii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iv. Calon berkelulusan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Deskripsi Tugas : i. Bertanggungjawab merancang, melaksana, mengurus, menyelaras, dan menilai dasar dan peraturan dalam meneliti cadangan awal projek seperti dokumen tender projek, cadangan kewangan (menetap konsep *value for money*), terma dan syarat perjanjian, pengurusan pentadbiran tanah dan isu-isu pelaksanaan projek.



- ii. Memantau, menyelaras, mengurus pencapaian prestasi rundingan dan pelaksanaan projek dan laporan pelaksanaan projek mengikut dasar baharu dengan dasar sedia ada mengikut Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard untuk memastikan keseragaman pengurusan projek yang tidak menyalahi undang-undang.
- iii. Merancang dan mengenalpasti peluang pelaburan dan perniagaan yang berpotensi serta merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan perniagaan termasuk projek usahasama.
- iv. Menyemak laporan dan rekod aktiviti bahagian dalam bentuk minit mesyuarat, kertas laporan, kertas maklum balas dan sebagainya sebelum diserahkan kepada pihak pengurusan tertinggi atau Ketua Jabatan.

#### **Cara Memohon:**

1. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian melalui pautan [JawatanKosongPKCH2026](#).
2. Pemohon tidak perlu menyerahkan *hard copy* kepada PKCH.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat adalah tepat dan terkini semasa permohonan dibuat.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Jun 2026 (Jumaat)**.
5. Hanya calon-calon yang disenarai pendek untuk temuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh 1 hingga 3 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Seksyen Sumber Manusia di talian 05-4851320.